



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN

PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2015
PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

SEJARAH

Kertas 1

Satu Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B C dan D**. Pilih satu jawapan yang terbaik bagi setiap soalan dan hitamkan ruangan yang sepadan pada kertas jawapan objektif anda.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, sila padamkan lorekan yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.

Kertas soalan ini mengandungi **14** halaman bercetak.

Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.

Jawab semua soalan.

Gambar 1 adalah pokok papyrus yang terdapat di Tamadun Mesir Purba




Gambar 1

1. Apakah kepentingan pokok papyrus tersebut?
 - A Penciptaan roda
 - B Pembinaan pengairan
 - C Pembinaan Piramid
 - D Penciptaan kertas

2. Bagaimanakah pemerintah Tamadun Hwang Ho dapat meningkatkan ekonomi pertanian penduduk setempat?
 - A Mengenakan cukai yang rendah
 - B Memberi tanah yang luas
 - C Memberi subsidi
 - D Membina terusan

Gambar 2 adalah binaan Zigurat Tamadun Mesopotamia.



Gambar 2

3. Apakah fungsi binaan tersebut?

- A Kubu pertahanan
- B Pusat pendidikan
- C Pusat keagamaan
- D Kawalan banjir

Jadual 1 berkaitan dengan tokoh yang telah menyumbang terhadap perkembangan tamadun.

Tokoh	Tamadun
Alexander The Great	Yunani
Shih Huang Ti	China

Jadual 1


4. Apakah sumbangan tokoh di atas?

- A Membentuk empayar pemerintahan
- B Memperkenalkan pemerintahan monarki
- C Mengasaskan pentadbiran secara birokrasi
- D Melaksanakan sistem pemerintahan republik

5. *Sresthin* merupakan persatuan perdagangan dan perusahaan yang wujud dalam tamadun India.
Apakah matlamat persatuan tersebut?

- A Melahirkan pedagang yang berjaya
- B Mewujudkan kawasan perdagangan
- C Memberi pinjaman kewangan
- D Mengawal kualiti barang

6. Kedah Tua berjaya menjadi pelabuhan entrepot.
Mengapakah keadaan ini berlaku?
- A Kekayaan hasil hutan
 - B Kekuatan tentera
 - C Penduduk yang ramai
 - D Hubungan dengan kuasa luar
7. Rajah 1 berkaitan dengan kerajaan Angkor.



Mengapakah Angkor menjadi kerajaan agraria yang kuat pada zaman tamadun awal Asia Tenggara?

- A Tentera yang setia
- B Empayar yang luas
- C Berhampiran Tasik Tonle Sap
- D Rakyat jelata pelbagai keturunan

8. Mengapakah Nabi Muhammad SAW tidak mengikut penduduk Islam Makkah berhijrah ke Habsyah?

- A Menjaga keselamatan orang Islam Makkah
- B Mengurus perniagaan di Makkah
- C Dihalang pemerintah Habsyah
- D Ditentang pihak Quraisy

9. Maklumat berikut berkaitan dengan Perjanjian Aqabah.

Tahun	Peristiwa
622 Masihi	Memeterai Perjanjian Aqabah Pertama

Apakah tindakan Nabi Muhammad SAW selepas memeterai perjanjian tersebut?

- A Memansuhkan sistem kabilah di Madinah
- B Menghantar Mus'ab Usman ke Madinah
- C Memerangi musuh Islam di Madinah
- D Mengarahkan penduduk Madinah berhijrah

10. Bagaimanakah kedudukan orang Islam yang memihak kepada Makkah dalam perjanjian Hudaibiyah?

- A Diberi hukuman yang setimpal
- B Perlu dipulangkan ke Madinah
- C Diiktiraf sebagai penduduk Makkah
- D Tidak perlu dipulangkan ke Madinah

11. Antara yang berikut, yang manakah sumbangan Khalifah Uthman bin Affan kepada kerajaan Islam Madinah?

- I Meluaskan wilayah Islam
 - II Melaksanakan gerakan al-Riddah
 - III Menubuhkan Jabatan Kehakiman
 - IV Membina angkatan laut Islam
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

12. Maklumat berikut berkaitan dengan tokoh falsafah Islam pada abad ke-14.

Tokoh	Keterangan
Ibn Rushd	Hasil karya beliau menjadi rujukan di Eropah sehingga abad ke 19

Mengapakah karya beliau menjadi rujukan di Eropah?

- A Menekankan ilmu mantik
- B Mengembangkan puisi syair
- C Membangunkan ilmu pelayaran
- D Menekankan kepelbagai teknik

13.

Konsep Daulat

Mengapakah konsep tersebut digunakan oleh raja-raja Melayu di Asia Tenggara setelah kedatangan Islam?

- A Melambangkan kemakmuran kerajaan
- B Menimbulkan penghormatan rakyat
- C Mengelakkan warisan tradisi
- D Memelihara hak penduduk

14. Bagaimanakah pertapakan Islam di Melaka menyebabkan pengislaman wilayah Aru, Rokan, Siak, Kampar dan Inderagiri?
- A Pendidikan dipergiat
B Penguasaan kawasan
C Perdagangan diperluas
D Hubungan luar diperkuuh
15. Rajah 2 menunjukkan pengubahsuaian sistem pemerintahan berasaskan Islam di Asia Tenggara pada abad ke-15 Masihi.

Institusi Kesultanan

Rajah 2

Mengapakah pengubahsuaian tersebut berlaku?

- A Pengaruh proses Baiah
B Perubahan pemimpin
C Mengikut cara Turki
D Keinginan pemerintah
16. Bagaimanakah Syahbandar membantu perkembangan Islam di Asia Tenggara pada abad ke-16?
- A Menjaga keselamatan kawasan perairan
B Mengawal keamanan dalam negeri
C Memastikan kesejahteraan istana
D Mengetuai bandar pelabuhan
17. Mengapakah golongan petani di Eropah mencari perlindungan dari golongan Baron pada Zaman Gelap?
- A Kehidupan tidak selamat
B Peluang mengelak cukai
C Terikat dengan bangsawan
D Bergiat dalam perdagangan

18. Rajah 3 menunjukkan sumber tenaga di Eropah sebelum abad ke-18.

Manusia
Binatang
Tenaga Air

Rajah 3

Apakah sumber tenaga yang digunakan selepas abad ke-18 di Eropah?

- A Solar
 - B Gasolin
 - C Elektrik
 - D Wap
19. Pada abad ke-19, British telah memperkenalkan undang-undang tanah berkonseptan sistem Barat di Perak, Selangor dan Negeri Sembilan
Mengapa British memperkenalkan undang-undang tanah tersebut?
- A Melahirkan tenaga mahir
 - B Menyatukan pelbagai kaum
 - C Memudahkan kerja pentadbiran
 - D Membanteras ancaman komunis
20. Jadual 2 berkaitan dengan mata wang yang digunakan di Tanah Melayu sebelum kedatangan penjajah Barat.


Negeri	Mata Wang
Kelantan	Dinar emas
Pahang	Jongkong tampang
Terengganu	Kupang emas

Jadual 2

Mengapa mata wang tersebut digunakan di negeri-negeri Melayu tersebut?

- A Memajukan pentadbiran negeri
- B Memudahkan pembayaran ufti
- C Menggalakkan pembelian tanah
- D Melicinkan urusan perdagangan

21. Raja Mongkot dan Chulalongkorn telah memperkenalkan sistem Birokrasi Barat di Thailand. Mengapakah sistem tersebut diperkenalkan?
- A Menambah kuasa raja
B Mengelakkan kemerdekaan
C Menghalang penentangan rakyat
D Mengetepikan tradisi bangsa
22. Penjajah Belanda memperkenalkan Sistem Tanaman Paksa di Indonesia. Mengapakah penduduk Indonesia tidak berpuas hati terhadap sistem tersebut?
- A Ekonomi sara diri terjejas
B Menindas penduduk pribumi
C Perusahaan tradisional terancam
D Perdagangan tukar barang terganggu
23. Mengapa British menggunakan nama sultan Terengganu ketika menghantar tiga orang pembesar untuk menawan semula Kuala Berang dari pejuang tempatan?
- A Pembesar sangat berpengaruh
B Sultan berkuasa mutlak
C British menghormati sultan
D Rakyat tidak menderhaka kepada sultan
24. Rajah 4 berkaitan dengan pembesar di Negeri Sembilan yang menentang British.



Rajah 4

Mengapakah mereka menentang British?

- A Pembinaan balai polis
B Penguasaan British di Sungai Ujong
C Pengenalan sistem perdagangan bebas
D Pelaksanaan pendidikan sekular

25. Kedua-dua negara berikut merupakan negara bangsa di Eropah pada abad ke-19.

- Jerman
- Itali

Apakah persamaan penyatuan kedua-dua negara tersebut?

- A Mengenepikan perbezaan warna kulit
- B Menyatukan masyarakat majmuk
- C Menggunakan kaedah *realpolitik*
- D Menerima pelbagai bangsa

26. Mengapa Itali berjaya menewaskan Austria pada tahun 1860?

- A Kekuatan pegangan agama
- B Kebijaksanaan pemimpin
- C Sokongan semua bangsa
- D Kerjasama dengan Perancis

27. Apakah peranan Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam sistem pentadbiran di Terengganu?

- A Membantu Sultan
- B Melantik Menteri Besar
- C Melantik pembesar istana
- D Mentadbir daerah


28. Senarai berikut adalah tindakan British yang menyebabkan orang Melayu menentang Malayan Union.

- Pemberian kerakyatan yang longgar
- Dasar sama rata

Mengapa tindakan tersebut menyebabkan orang Melayu menentang Malayan Union?

- A Mencampuri adat istiadat penduduk tempatan
- B Menjejaskan status quo orang Melayu
- C Menghalang perpaduan kaum
- D Mengubah sempadan negeri

29. Rajah 5 merujuk kepada struktur pentadbiran peringkat negeri di Tanah Melayu pada tahun 1948.



Apakah bidang kuasa Sultan?

- A Mengetuai angkatan tentera
 - B Mengetuai upacara rasmi
 - C Melantik Menteri Besar
 - D Melantik Exco
30. Maklumat berikut berkaitan dengan Suruhanjaya Reid.

Tarikh	Ahli
Mac 1956	Lord Reid (Pengerusi) Sir Ivor Jennings Sir William McKell Tuan B. Malik Tuan Abdul Hamid

Apakah tugas Suruhanjaya Reid?

- A Menubuhkan Jawatankuasa Antara Kaum
 - B Menetapkan syarat mendapatkan kerakyatan
 - C Merangka perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
 - D Melaksanakan pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan
31. Pada 27 Mei 1961, Tuanku Abdul Rahman telah mencadangkan pembentukan Malaysia di Hotel Adelphi, Singapura.
Mengapa beliau bertindak demikian?
- A. Mewujudkan kerjasama ekonomi
 - B. Mengimbangi pengaruh kuasa pembesar
 - C. Memperkasa sistem raja berperlembagaan
 - D. Mengamalkan pengagihan kuasa

32. Apakah yang dilaksanakan oleh pemimpin Tanah Melayu pada tahun 1950-an agar kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dicapai tanpa pertumpahan darah?

- A Mengadakan rundingan
- B Mengadakan pungutan suara
- C Mendapatkan sokongan luar
- D Mengadakan rundingan dengan komunis

33. Mengapa Parti Rakyat Brunei di bawah pimpinan A.M.Azahari menentang gagasan Malaysia?

- A Membentuk gagasan Melayu Raya
- B Menubuhkan Persekutuan Borneo
- C Bimbang ancaman komunis
- D Bekerjasama dengan Filipina

34. Pernyataan berikut berkaitan dengan Perkara 24 dalam Perlembagaan Malaysia.

Seseorang yang mempunyai kerakyatan negara lain akan dilucutkan kewarganegaraannya.

Mengapa perkara tersebut digubal dalam Perlembagaan Malaysia?

- A Menjamin kesetiaan rakyat kepada negara
- B Menjamin hak istimewa kaum bumiputera
- C Mengawal penghijrahan rakyat ke luar negara
- D Mengawal kemasukan pendatang asing ke negara ini

35. Pernyataan berikut berkaitan dengan Perkara 153 dalam Perlembagaan Malaysia.


Peranan Yang di-Pertuan Agong dalam menjaga dan memelihara hak istimewa serta kedudukan orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak

Apakah hak istimewa orang Melayu dan bumiputera yang dimaksudkan dalam pernyataan tersebut?

- A Menjadi ahli Dewan Rakyat
- B Penerimaan pangkat kebesaran
- C Jawatan dalam perkhidmatan awam
- D Kebebasan menganuti mana-mana agama

36. Undang-undang darurat di bawah ‘Undang-undang X’ boleh diisyiharkan jika keselamatan negara terancam.
Siapakah yang berkuasa mengisyiharkan undang-undang tersebut?
- A Perdana Menteri
B Menteri Pertahanan
C Yang di-Pertuan Agong
D Mahkamah Persekutuan
37. Melalui Rancangan Malaya Pertama, kerajaan telah memperkenalkan Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA).
Apakah tujuan agensi tersebut ditubuhkan?
- A Membangunkan masyarakat luar bandar
B Menggalakkan kemasukan pelabur
C Mengawal kemasukan buruh luar
D Mengurangkan beban kerajaan
38. Cabaran Keenam Wawasan 2020 ialah membina masyarakat yang maju dan saintifik.
Bagaimanakah matlamat tersebut dapat dicapai?
- A Penghayatan prinsip Rukun Negara
B Penguasaan terhadap ilmu pengetahuan
C Menghayati Falsafah Pendidikan Kebangsaan
D Mengukuhkan perpaduan masyarakat pelbagai kaum

39. Gambar 3 adalah senjata yang memusnahkan bandar Hiroshima dan Nagasaki.



Gambar 3

Mengapakah tindakan mengebom bandar tersebut dilakukan oleh Amerika Syarikat?

- A Membanteras ancaman komunis
- B Menguji keberkesanan teknologi moden
- C Mengalihkan perhatian Kuasa Bersekutu
- D Mengelakkan tempoh peperangan yang lama

40. Negara-negara Selatan atau Negara Dunia Ketiga masih bergantung kepada negara maju dalam pemasaran bahan mentah.

Mengapakah keadaan ini berlaku?

- A Ketandusan pemimpin berwibawa
- B Kehabisan bahan mentah
- C Kekurangan kepakaran
- D Ketiadaan sokongan negara berjiran

KERTAS SOALAN TAMAT



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN

PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2015
PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

SEJARAH

Kertas 2

Dua Jam Tiga Puluh Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada ruangan yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.
3. Jawab semua soalan di Bahagian A dan tiga soalan daripada Bahagian B.
4. Jawapan bagi Bahagian A hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
5. Jawapan bagi Bahagian B hendaklah ditulis dalam kertas jawapan.
6. Ceraikan Bahagian B daripada kertas soalan ini. Ikat kertas jawapan bersama-sama kertas soalan ini dan serahkan kepada Pengawas Peperiksaan pada akhir peperiksaan.
7. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
	10	20	
	11	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

Bahagian A

[40 markah]

Jawab **semua** soalan.

- 1 Peningkatan pendidikan di Yunani berlaku dalam kalangan penduduk Athens dan Sparta.

- (a) Jelaskan tujuan pendidikan di Yunani?

.....
.....

[2 markah]

- (b) Nyatakan **dua** aspek yang dititikberatkan untuk menjadi manusia cemerlang di Athens.

(i)

(ii)

[2 markah]

- (c) Bagaimanakah sistem pendidikan dijalankan di Sparta?

.....
.....
.....

[2 markah]

- (d) Apakah kesan sekiranya rakyat dalam sesebuah negara tidak mendapat pendidikan yang sempurna?

Berikan penjelasan anda.

.....
.....
.....

[4 markah]

- 2 Pernyataan berikut berkaitan dengan penubuhan kerajaan Islam di Madinah.

Piagam Madinah atau Sahifah Madinah merupakan sebuah pelembagaan bertulis yang telah dirangka oleh Nabi Muhammad S.A.W pada tahun 622 masihi.

- (a) Apakah yang anda faham tentang piagam tersebut?

.....
.....

[2 markah]

- (b) Nyatakan **dua** kandungan Piagam Madinah .

(i)
(ii)

[2 markah]

- (c) Piagam Madinah penting kepada masyarakat Islam dan bukan Islam di Madinah.

Beri komen anda terhadap pernyataan tersebut.

.....
.....
.....

[3 markah]

- (d) Konsep satu ummah sesuai untuk rakyat Malaysia?

Buktikan.

.....
.....
.....

[3 markah]

- 3 Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke 15 merupakan asas pembentukan negara dan bangsa Malaysia.

(a) Nyatakan **dua** ciri negara dan bangsa dalam Kesultanan Melayu Melaka.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Senaraikan **dua** lambang kebesaran sultan yang diwarisi hingga kini daripada Kesultanan Melayu Melaka.

(i)

(ii)

[2 markah]

(c) Jelaskan unsur-unsur warisan Kesultanan Melayu Melaka yang diamalkan di negeri-negeri Melayu

.....

.....

.....

[3 markah]

(d) Mengapakah warisan sesuatu bangsa perlu dipertahankan dalam kehidupan sesebuah masyarakat?

Beri penjelasan anda.

.....

.....

.....

[3 markah]

- 4 Sistem pemerintahan di Malaysia mengamalkan konsep pengasingan kuasa yang dibahagikan kepada tiga cabang badan pemerintah. Salah satu daripadanya ialah Badan Pelaksana (Eksekutif)

- (a) Jelaskan fungsi Jemaah Menteri.

.....
.....
.....
.....

[2 markah]

- (b) Badan Berkanun adalah agensi yang terletak di bawah sesuatu kementerian. Nyatakan ciri-ciri badan berkanun.

.....
.....
.....
.....

[2 markah]

- (c) Senaraikan **dua** agensi Badan Berkanun.

- (i)
- (ii)

[2 markah]

- (d) Pada pendapat anda, apakah rasional konsep pengasingan kuasa yang diamalkan dalam sistem pemerintahan di Malaysia?

.....
.....
.....

[4 markah]

BAHAGIAN B

[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.

5. Kerajaan Angkor merupakan kerajaan agraria yang kuat dan terletak di Lembah Sungai Mekong.

- (a) Jelaskan faktor perkembangan kerajaan Angkor.

[4 markah]

- (b) Sejauhmanakah Tasik Tonle Sap menyumbang kepada perkembangan kerajaan Angkor.

[4 markah]

- (c) i. Kerajaan Angkor berjaya sebagai sebuah kerajaan agraria yang kuat kerana masyarakatnya telah berusaha menguasai alam sekitar.
Buktikan kebenaran pernyataan ini.

[6 markah]

- ii. Terdapat beberapa halangan yang telah membantutkan usaha kerajaan untuk memperkasa bidang pertanian di negara kita.

Pada pendapat anda, mengapakah keadaan tersebut berlaku?

[6 markah]

6. Kedatangan Islam di Asia Tenggara telah membawa perubahan yang besar kepada masyarakat Melayu tradisional dalam bidang sosiobudaya.

- (a) Huraikan pengaruh Islam dalam gaya hidup masyarakat Melayu tradisional.

[8 markah]

- (b) Berdasarkan huraian dalam 6 a, apakah kesan pengamalan gaya hidup Islam terhadap masyarakat Malaysia pada hari ini?

[6 markah]

- (c) Mengapakah generasi muda pada hari ini masih kurang menghayati gaya hidup masyarakat Timur?

[6 markah]

7. Reformation merupakan suatu gerakan yang berlaku di Eropah Barat pada abad ke-16.

(a) Terangkan faktor yang menyebabkan Gerakan Reformation

[4 markah]

(b) Sejauhmanakah kesan Gerakan Reformation terhadap Eropah?

[4 markah]

(c) i. Gerakan Reformation membuktikan bahawa perubahan terhadap sesuatu perkara perlu dilaksanakan untuk menghasilkan sesuatu yang lebih baik. Sebagai seorang pelajar, apakah sikap yang perlu anda miliki agar perubahan ke arah kemajuan diri dapat dilaksanakan?

[6 markah]

ii. Adakah sikap toleransi penting untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang bersatu-padu?

Berikan pendapat anda.

[6 markah]

8. Penentangan terhadap penjajahan British berlaku di negeri-negeri Melayu pada abad ke-19.

(a) Jelaskan tentang perjuangan tokoh berikut menentang British.

i. Tok Janggut.

[5 markah]

ii. Haji Abdul Rahman bin Limbong.

[5 markah]

(b) Mengapakah perjuangan kedua-dua tokoh tersebut mengalami kegagalan?

[6 markah]

(b) Pada pendapat anda, apakah akan terjadi sekiranya penjajah British tidak ditentang oleh pejuang tempatan pada waktu itu?

[4 markah]

9. Kejayaan negara mendapatkan kemerdekaan adalah kejayaan hasil usaha semangat pakatan murni.

(a) Terangkan maksud pakatan murni.

[2 markah]

(b) Huraikan usaha-usaha menghasilkan kerjasama politik antara kaum di Tanah Melayu melalui pakatan murni

[6 markah]

(c) i. Apakah kesan sekiranya generasi hari ini tidak menghayati dan mengamalkan semangat pakatan murni?

[6 markah]

ii. Apakah iktibar daripada kejayaan semangat pakatan murni untuk kemajuan negara pada masa hadapan?

Berikan penjelasan anda.

[6 markah]

10. Beberapa dasar pembangunan ekonomi telah diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia.

(a) Nyatakan matlamat Dasar Pertanian Negara.

[4 markah]

(b) Banyak kejayaan yang telah dicapai oleh kerajaan melalui dasar pembangunan ekonomi tersebut. Buktikan.

[4 markah]

(c) i. Mengapakah dasar pembangunan ekonomi penting kepada negara kita?

[6 markah]

ii. Generasi muda Malaysia memainkan peranan penting dalam memajukan ekonomi negara. Namun terdapat segelintir generasi muda tidak mahu melibatkan diri dalam memajukan ekonomi negara.

Pada pendapat anda, mengapakah keadaan tersebut berlaku?

Berikan cadangan anda untuk mengatasi masalah tersebut.

[6 markah]

11 Beberapa siri persidangan diadakan bagi menyelesaikan masalah yang timbul selepas Perang Dunia Kedua. Rundingan tersebut gagal menemui jalan penyelesaian dan membawa kepada kemunculan blok dunia dan Perang Dingin.

(a) Jelaskan ciri-ciri blok dunia.

[4 markah]

(b) Pada pendapat anda, mengapakah Perang Dingin berlaku?

[4 markah]

(c) i. Terangkan usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia untuk mengelak daripada terlibat dalam konflik antarabangsa.

[6 markah]

ii. Menjelang tahun 1970-an kerajaan Malaysia mengamalkan dasar berbaik-baik dengan semua negara.
Sejauhmanakah dasar tersebut berkesan dalam menjamin keamanan negara?

[6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN

PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2015
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

SEJARAH

Kertas 3

Tema Umum

1. Kertas soalan ini mengandungi satu **Tema Umum**.
2. Calon dikehendaki membaca dan meneliti **Tema Umum** tersebut dan membuat persediaan awal sebelum hari peperiksaan.
3. Kertas soalan ini mestilah diberikan kepada calon **enam minggu** sebelum tarikh peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **3** halaman bercetak.

ARAHAN KEPADA GURU

1. Guru hendaklah memastikan **Tema Umum** diberikan kepada calon **enam minggu** sebelum tarikh peperiksaan.
2. Guru hendaklah menerangkan kepada calon tentang **Tema Umum** supaya calon membuat persediaan untuk menjawab soalan bagi **Tugasan Spesifik** dalam Sejarah 1249/3 yang akan diberikan pada hari peperiksaan.
3. Guru dibenarkan untuk membimbing calon dalam penyediaan dan pemilihan bahan rujukan sebelum hari peperiksaan.
4. Guru hendaklah menasihati calon memilih bahan rujukan yang sesuai dan mengenal pasti kedudukan setiap maklumat di dalam sumber supaya tidak membuang masa untuk mencari maklumat pada hari peperiksaan.
5. **Guru dilarang sama sekali menyediakan jawapan kepada calon dalam apa-apa bentuk sekali pun.**
6. Guru hendaklah menasihati calon agar membuat salinan sumber maklumat berkaitan yang diperoleh daripada buku ilmiah, majalah dan surat khabar untuk menjimatkan ruang di atas meja pada hari peperiksaan.

ARAHAN KEPADA CALON

1. Calon dikehendaki membaca dan meneliti **Tema Umum** dan membuat persediaan awal sebelum hari peperiksaan.
2. Calon boleh berbincang dengan guru dan rakan-rakan untuk mendapat dan mengumpulkan maklumat berkaitan.
3. Calon boleh membuat rujukan daripada pelbagai sumber yang berkaitan dengan Tema Umum yang diberi sebagai persediaan menjawab soalan bagi **Tugasan Spesifik** dalam Sejarah 1249/3.
4. Calon boleh mendapatkan sumber maklumat daripada buku teks, bahan bacaan ilmiah, akhbar, internet dan bahan-bahan lain yang berkaitan.
5. Calon dibenarkan membawa masuk dokumen seperti buku teks, bahan bacaan ilmiah, nota bertulis atau bahan fotostat dan bahan bercetak ke dalam dewan/bilik peperiksaan.
6. Calon **tidak dibenarkan sama sekali** membawa alat atau peranti elektronik ke dalam dewan/bilik peperiksaan.
7. Penggunaan bahan rujukan semasa peperiksaan hendaklah tidak mengganggu calon lain.

Tema Umum: Pembangunan dan Perpaduan Untuk Kesejahteraan

Perpaduan adalah isu yang sentiasa diberikan perhatian serius oleh kerajaan. Tanpa perpaduan yang kukuh akan memungkinkan berlakunya konflik perkauman yang boleh menjasaskan keharmonian hidup masyarakat dan keselamatan, seterusnya kemajuan dan pembangunan negara.

- Berita Harian, 21 April 2014 -

KERTAS SOALAN TAMAT



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN**

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2015
PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

SEJARAH

Kertas 1

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan**. Kegunaanya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa juga bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi **2** halaman bercetak.

SULIT

1249/1

KERTAS 1

No	<u>Jawapan</u>	Halaman Buku Teks	No	<u>Jawapan</u>	Halaman Buku Teks
1	D	22	21	B	13
2	D	32	22	B	15
3	C	13	23	D	44
4	A	48-49	24	B	39
5	D	51	25	C	68-69
6	A	82	26	D	68
7	C	77	27	A	86
8	A	113	28	B	99
9	B	118	29	C	107
10	D	132	30	C	125
11	B	147	31	A	138
12	A	167	32	A	131
13	B	197	33	B	145
14	B	181	34	A	164
15	C	185	35	C	164
16	D	180	36	C	268
17	A	215	37	A	198
18	D	232	38	B	222
19	C	259	39	D	233
20	D	255	40	A	250

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

SULIT

**BAHAGIAN PENGURUSAN
SEKOLAH BERASRAMA PENUH
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2015
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2015 TINGKATAN 5
1249/2
SEJARAH
Kertas 2
OGOS
2015**

SEJARAH

Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan**. Kegunaanya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa juga bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 24 halaman bercetak

Soalan	Butiran	Markah
1 (a)	F1 Melahirkan manusia yang seimbang F2 Untuk pencapaian rohani dan jasmani F3 Melahirkan manusia yang cemerlang F4 Memenuhi tuntutan mental dan fizikal F5 Memberi sumbangan kepada kesejahteraan manusia F6 Melahirkan warganegara yang sempurna F7 Melahirkan warganegara yang gagah F8 Melahirkan warganegara yang setia (Mana-mana 2 x 1m)	1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak 2m]
1(b)	F1 Pendidikan F2 Sukan F3 Muzik F4 Kesusasteraan F5 Pidato F6 Membaca F7 Menghafal F8 Menulis	1 1 1 1 1 1 1 1 (Mana-mana 2 x 1m)
1 (c)	F1 Membentuk warganegara tentera F2 Mendidik tentera menjadi sempurna/gagah/setia kepada negara kota F3 Mementingkan latihan fizikal F4 Mengutamakan kemahiran menggunakan senjata F5 Tidak mementingkan pendidikan mental	1 1 1 1 1 (Mana-mana 3 x 1m)
1 (d)	F1 Kadar buta huruf tinggi F2 Kedaulatan negara mudah digugat F3 Taraf hidup rakyat rendah F4 Ekonomi mundur F5 Kadar kemiskinan tinggi (Mana-mana jawapan yang munasabah)	1 1 1 1 1 (Mana-mana 3 X 1m)

Soalan	Butiran	Markah
2 (a)	<p>F1 Dikenali sebagai Sahifah Madinah</p> <p>F2 Perlembagaan bertulis yang dirangka oleh Nabi Muhammad</p> <p>F3 Berpandukan wahyu Allah</p> <p>F4 Menjadi asas pemerintahan kerajaan Islam Madinah</p> <p>F5 Mencatatkan peraturan / tanggungjawab ketua negara dan rakyat</p> <p>F6 Dirangka berdasarkan persetujuan orang Islam dan bukan Islam</p>	1 1 1 1 1 1
	(Mana-mana 2 x 1m)	[Mak 2m]
2 (b)	<p>F1 Nabi Muhammad SAW pemimpin di Madinah</p> <p>F2 Masyarakat Madinah bebas mengamalkan agama masing - masing</p> <p>F3 Masyarakat Madinah dianggap satu ummah</p> <p>F4 Undang – undang Islam diguna pakai</p>	1 1 1 1
	(Mana-mana 2 x 1m)	1 1 1 1
	(Rujuk m/s 126 buku teks- Semua rumusan diterima)	1 1 1 1
		[Mak 2m]
2 (c)	<p>F1 Mementingkan keadilan/ketelusan semua kaum</p> <p>F2 Mengatur sistem perundangan yang lengkap/adil kepada semua pihak</p> <p>F3 Konsep keadilan sosial dipaktikkan</p> <p>F4 Tiada perbezaan taraf dalam masyarakat</p>	1 1 1 1
	(mana-mana jawapan yang munasabah)	1 1
	(Mana-mana 3 x 1m)	
		[Mak 3m]

	<p>2 (d)</p> <p>F1 Masyarakat bersatu padu dan berbilang kaum F2 Masyarakat saling bekerjasama F3 Semua rakyat menghormati antara satu sama yang lai F4 Masalah diselesaikan melalui rundingan/musyawarah</p> <p>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</p>	<p>1 1 1 1</p> <p>(Mana-mana 3 x 1m)</p>	[Mak 3m]
--	--	--	----------

Soalan	Butiran	Markah
3 (a)	F1 Wilayah pengaruh F2 Kerajaan F3 Lambang-lambang F4 Rakyat F5 Keunggulan undang-undang F6 Kedaulatan (Mana-mana 2 x 1m)	1 1 1 1 1 1 [Mak 2m]
3 (b)	F1 Alat regalia F2 Nobat F3 Warna F4 Bahasa F5 Undang – undang F6 Protokol F7 Adat istiadat istana F8 Tengkolok F9 Cogan agama F10 Gendik F11 Kalung F13 Pending	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 (Mana-mana 2 x 1m)

3 (c)	<p>F1 Sistem pemerintahan di Johor, Perak dan Pahang berdasarkan pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka</p> <p>F2 Sistem pemerintahan takhta di negeri-negeri tersebut mementingkan jurai keturunan sebelah bapa</p> <p>F3 Putera sulung dengan permaisurinya berpeluang mewarisi takhta kerajaan</p> <p>F4 Kitab undang –undang di Johor, Perak dan Pahang disalin dan dipinda berdasarkan Hukum Kanun Melaka</p> <p>F5 Mengamalkan sistem pembesar empat lipatan</p> <p>F6 Berbeza gelaran pembesarnya yang diasaskan dengan keadaan Tempatan</p>	1 1 1 1 1 1 (Mak 3m)
3 (d)	<p>Penskoran :</p> <p>Menyatakan sebab sahaja</p> <p>Sebab diuraikan dengan jelas</p> <p>Sebab berserta huraian yang jelas dan contoh yang sesuai</p>	1 2 3 (mak 3m)

Soalan	Butiran	Markah
4 (a)	<p>F1 Merupakan badan pelaksana dasar-dasar kerajaan</p> <p>F2 Pembuat dasar tertinggi negara</p> <p>F3 Menggubal dasar-dasar kerajaan dalam semua perkara</p> <p style="text-align: right;">(Mana-mana 2 x 1m)</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p style="text-align: right;">(Mak 2m)</p>
4 (b)	<p>F1 Merupakan badan separuh kerajaan yang mempunyai kuasa autonomi tertentu</p> <p>F2 Mempunyai peruntukan kewangan tersendiri</p> <p>F3 Ditadbir oleh sebuah Lembaga Pengarah</p> <p>F4 Bertanggungjawab kepada menteri yang berkenaan</p> <p>F5 Mempunyai pelbagai tugas dan tanggungjawab untuk mempercepat pentadbiran</p> <p>F6 Mempunyai pelbagai tugas dan tanggungjawab untuk mempercepat program pembangunan di bawah Rancangan Lima Tahun kerajaan</p> <p style="text-align: right;">(Mana-mana 2 x 1m)</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p style="text-align: right;">(Mak 2m)</p>
4 (c)	<p>F1 Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)</p> <p>F2 Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)</p> <p>F3 Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)</p> <p>F4 Majlis Amanah Rakyat (MARA)</p> <p>F5 Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)</p> <p>F6 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)</p> <p>F7 Khazanah Nasional</p> <p>F8 Lembaga Minyak Sawit Malaysia</p> <p style="text-align: right;">(mana-mana jawapan yang munasabah)</p> <p style="text-align: right;">(Mana-mana 3 x 1m)</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p style="text-align: right;">(Mak 3m)</p>

4 (d)	F1 Melicinkan pentadbiran F2 Mengelakkan pertindihan bidang kuasa F3 Mengelakkan penyalahgunaan kuasa akibat pemusatan kuasa pada sesuati badan F4 Tiada gangguan daripada mana-mana badan yang lain F5 Mbolehkan setiap badan bertindak tanpa diganggu dan dipengaruhi oleh badan yang lain F6 Mewujudkan semak dan seimbang (check & balance) antara kuasa tersebut. (Mana–mana jawapan yang munasabah)	1 1 1 1 1 1 (Mana-mana 3 x 1m)	1 1 1 1 1 1 (Mak 3m)
-------	--	--	--

SKEMA PEMARKAHAN BAHAGIAN B – ESEI

Soalan	Butiran	Markah
5(a)	F1 Kedudukan berhampiran Tasik Tonle Sap F2 Sumber air untuk minuman dan pertanian F3 Mempunyai tanah yang subur sesuai untuk pertanian F4 Mempunyai iklim yang panas dan lembap sepanjang tahun F5 Pembinaan sistem pengairan yang baik F6 Bekalan sumber protein seperti ikan air tawar dari Tasik Tonle Sap	1 1 1 1 1 1
		[Mana-mana 4 x 1m] (Mak 4m)
(b)	F1 Membekalkan sumber air minuman F2 Limpahan air dari sungai Mekong mengalir ke Tasik Tonle Sap pada musim kemarau F3 Sekitar Tasik Tonle Sap menjadi subur akibat mendapan lumpur pada musim kemarau F4 Membekalkan sumber protein seperti ikan F5 Air Tasik Tonle Sap dialirkan ke kawasan penanaman padi F6 Terusan dan sistem pengairan dapat dibina kerana aliran air Tasik Tonle Sap F7 Menampung keperluan penanaman padi F8 Pembekalan beras yang cukup	1 1 1 1 1 1 1 1
		[Mana-mana 4 x 1m] (Mak 4m)
(c) i	H1 Tanah yang subur digunakan untuk pertanian H2 Tanaman yang ditanam disesuaikan dengan iklim panas dan lembap sepanjang tahun H3 Ikan air tawar dimanfaat sebagai sumber protein H4 Menggunakan air Tasik Tonle Sap untuk mengairi sawah H5 Memanfaatkan musim banjir bagi menjadikan tasik semakin luas H6 Mendapan lumpur yang subur pada musim kemarau dimanfaatkan H7 Sungai Mekong dimanfaatkan untuk tujuan pengairan. H8 Kawasan subur sekitar lembah Mekong dijadikan kawasan pertanian	1 1 1 1 1 1 1 1
